

Perjuangan Kesultanan Aceh Mempertahankan Kemerdekaannya: Diplomasi Sulit dan Politik Intrik

VICTOR A. POGADAEV

“Sumatera ialah pulau yang paling barat dan paling besar sesudah Kalimantan di Kepulauan Sunda... Yang paling berkuasa di Sumatera ialah Sultan Aceh, di samping Sultan Banten (di Jawa) ... Setelah menyerahkan Guinea kepada Inggeris dan dengan demikian mendapat persetujuan negara itu untuk menaklukkan Aceh, Belanda telah memulakan perang melawan Aceh pada tahun 1873. Perang itu berterusan lama dan mengorbankan ramai orang Belanda menjadi mangsanya”.

(*Ensiklopedia Besar*, Saint Petersburg (1904), Jilid 18: 126-127)

Peperangan di Kesultanan Aceh itu panjang sejarahnya: selama empat puluh tahun¹. [Tempoh yang panjang – editor] itu bukan sahaja kerana penglibatan kepahlawanan orang Aceh di medan perang yang berkenaan, tetapi juga kerana penglibatan aktif daripada diplomat Aceh yang cekap menggunakan intrik politik mereka. Dengan mengingat pengalaman negara-negara jiran yang menjadi mangsa pengembangan kuasa penjajahan, orang Aceh iaitu “orang berbangga diri, militan dan sangat fanatik”² itu sedar mereka tidak mungkin berjuang, apatah lagi dapat menentang Belanda sehingga berjaya dengan sekadar menggunakan tombak dan panah, melainkan dengan meriam. Maka pergilah mereka ke arena permainan diplomatik dan menggunakan saluran diplomatik yang terbuka kepada mereka, termasuk memanfaatkan pertentangan antara negara-negara Eropah, menggunakan taktik penghuluran masa, berunding dengan pihak menyerang, kebersediaan mereka memberi sebahagian wilayah asalkan tidak kehilangan keseluruhan negaranya. Mereka juga tidak kehilangan kepercayaan bahawa berbanding dengan negara-negara lain, nampaknya orang Belanda mungkin kurang kejam, maka lebih berperikemanusiaan. Selain itu, mereka mendapat ilham daripada Siam yang telah berjaya mencegah Perancis daripada merebut wilayahnya dengan cara diplomatik.

Perhatian utama orang Aceh ialah mahu menjadi seperti Turki yang terkenal sebagai kuasa besar pada masa silam dan menurut pendapat orang Aceh boleh dicontohi mereka dalam mempertahankan negaranya daripada serangan Belanda. Setelah mendapati perang sudah tidak boleh dielakkan (perjanjian tahun 1871 antara Belanda dan Inggeris yang dikenal dengan nama “Traktat Sumatera” membuka tangan orang Belanda untuk cuba menaklukkan negara merdeka terakhir di Sumatera³), pemimpin Aceh telah menghantar kedutaannya dengan diketuai negarawan yang berwibawa, Habib (Syed) Abdurrahman al-Zahir, suami ibu Sultan muda, ke Istanbul (Constantinople) pada Januari 1873

Beliau adalah keturunan Arab dan sangat cerdas. Menteri di Turki dan juga duta banyak negara Eropah [di Istanbul- editor] kagum dengan intelektual dan cara pemikirannya berdiplomatik. Misalnya, beliau telah menunjukkan pengetahuannya yang luas dalam kedudukan politik di Eropah dan juga dalam usahanya memujuk pihak Turki agar menjadi orang tengah dalam persengketaan antara Aceh dengan Belanda dengan sering merujuk kepada Perjanjian Paris tahun 1856 (yang mengakhiri Perang Krimea 1853-1856) dan lampirannya. Sehubungan itu, beliau sudah membawa surat pengenalan daripada Syerif Mekkah dan Pasya Jeddah dan juga daripada orang Indonesia yang berpengaruh yang sudah bermastautin di Mekkah⁴.

Setelah sampai di Istanbul, Habib tanpa membuang masa terus memulakan kegiatannya melobi tokoh-tokoh negara dan politik dan juga akhbar tempatan dalam percubaannya mendapat sokongan daripada Turki. Dalam pada itu, beliau merujuk kepada Armada Sulaiman Bagus yang belayar ke India pada masa silam dan mengatakan ramai pemimpin Islam di India mengakui kekuasaan khalifah yang berpindah ke Istanbul selepas Arabia ditakluki Selim I pada masa Khalif Mesir yang terakhir itu turun daripada takhtanya. Duta Aceh itu menyatakan juga bahawa di Aceh bukan sahaja masih tersimpan meriam yang dikenali dengan nama Sulaiman, tetapi juga tentera Aceh masih mempunyai bendera Turki dan juga orang Aceh bersembahyang ikut cara orang Turki kerana kemegahan Sultan Turki.⁵

Hujah yang dikemukakan Habib itu kuat mempengaruhi sebilangan besar tokoh di Turki, terutamanya pemimpin-pemimpin “Turki baru”, Midhat-pasha dan Khalil-pasha, yang berpuas hati sekali dengan pernyataan orang Aceh patuh ke Turki, maka berpendapat bantuan Turki kepada Aceh akan meningkatkan kewibawaan Turki di dunia Islam⁶. Pendirian “Turki baru” itu tercermin dalam rencana *Belanda dan Sultanat Aceh* yang sudah diterbitkan di akhbar *La Turki*. Makalah yang ditulis dengan nada simpati kepada Aceh itu agak tepat memaparkan peristiwa penting daripada ekspedisi Belanda yang pertama yang menitikberatkan penggambaran kegagalannya di satu pihak berbanding dengan kemenangan besar Aceh di satu pihak yang lain. Dalam makalah itu telah ditolak dengan tegasnya tafsiran tentang sebab-sebab peperangan yang dikemukakan Belanda, iaitu aksi melanun dan menjarah orang Aceh, selain menekankan adalah lebih adil sekiranya sebab-sebab peperangan itu disebut sebagai dasar penjajahan daripada Belanda untuk menghalang perdagangan bebas di Sumatera. Pengarang rencana itu membidas rejim penjajah [Belanda - editor] sebagai hina, maka menyeru Sultan Turki untuk menggunakan kuasanya untuk mempengaruhi kerajaan Belanda dan negara-negara lain agar menyelesaikan konflik itu secara damai⁷.

Rencana itu mendapat sambutan besar di kalangan orang Turki dan kerajaannya. Sebelum itu, Turki sentiasa menjadi orang tengah di negara-negara Eropah dan sekarang dengan tidak diduga terbuka peluang baru untuk menjadi orang tengah menyelesaikan sengketa di peringkat antarabangsa. Itu adalah babak baru dalam hubungan antarabangsa di Turki dewasa itu. Selepas itu, bermulalah bermacam-macam perundingan untuk menyelesaikan persengketaan

antara Belanda dengan Aceh. Antara usul yang diberi adalah dikirim sebuah kapal dan Duta khas ke Aceh di bawah misi damai dengan diikuti para alim ulama menyempurnakan ajaran agama Islam di kalangan penduduk di Sumatera demi mempererat tali hubungan antara Aceh dan Sultan Turki. Ternyata hal itu amat besar faedahnya kepada kerajaan Belanda kerana ia juga telah membolehkannya menyelesaikan masalah tanpa menggunakan senjata api⁸.

Wakil-wakil daripada negara Eropah gelisah melihat perkembangan peristiwa semacam itu, lebih-lebih lagi setelah mendapati Habib telah dapat memperkuatkan pengaruhnya ke atas Turki dengan menggunakan semua peluang yang ada untuk mengenakan tekanannya ke atas pihak Inggeris berhubung dengan Aceh. "Sekiranya Belanda berhasil, kerajaan Inggeris, katanya, akan menjadi sangat marah, maka akan dengan senang hatinya menyokong misi perdamaian daripada pihak Turki"⁹.

Orang yang pertama menunjukkan perasaan cemas itu tidak lain daripada Duta Belanda yang setelah bertemu dengan Menteri Luar Negara Turki telah melahirkan harapannya bahawa "Turki sama sekali tidak mahu campur tangan"¹⁰. Pihak Den Haag telah mengesahkan pendirian Duta Belanda itu dengan menyatakan "Belanda menolak sebarang usaha orang tengah asing dan merasa bertanggungjawab menghukum penduduk Islam di pulau itu demi menegakkan kewibawaannya"¹¹.

Pendirian Den Haag itu disokong Duta Rusia, N. P. Ignatiev. Sehubungan itu, beliau menulis dalam suratnya: "Saya menghadap Saffet-pasha (Menteri Luar Negara Turki – *catatan oleh pengarang*) sebagai penyokong Belanda dan menyatakan adalah sangat berbahaya bagi Turki sekiranya mereka itu menawarkan jasanya dalam perkara yang bukan urusan negaranya"¹². Pada pertemuan selanjutnya dengan wakil-wakil daripada pihak Turki, beliau menegaskan usaha Turki menawarkan jasanya kepada Belanda dalam kenyataan itu akan mengakibatkan campur tangan negara-negara asing yang lain ke dalam urusan dalam negeri Turki, maka keamanannya dan keutuhan wilayahnya yang dijamin Eropah sekarang akan pasti akan terjejas¹³.

Sebenarnya kerajaan Rusia sangat takut dengan bantuan Turki kepada Aceh itu akan mengakibatkan meluasnya ide-ide panislamisme yang mendapat sokongan daripada "Turki baru". Bukanlah kebetulan N. P. Ignatiev dalam suratnya yang bertarikh 3 Mei 1873 jelas menghubungkan perutusan Duta dari Aceh ke Turki dengan perutusan Duta dari Bukhara, Kokand dan Kashgar, iaitu wilayah-wilayah di bawah pengaruh politik Rusia dengan kepentingannya itu bertentangan dengan kepentingan Turki¹⁴. Senada dengan Ignatiev ialah Duta Inggeris, maka dalam pertemuannya dengan Menteri Luar Negara Turki telah menegaskan "dia tidak memberi nasihat kepada kerajaan Turki untuk bercampur tangan yang pasti akan menimbulkan rasa tidak puas hati di Eropah". Beliau juga menenangkan Duta Belanda untuk mempercayainya dengan mengatakan "demi kepentingan Inggeris agar pulau Sumatera ditakluki Belanda"¹⁵.

Melihat keadaan itu, Habib telah berikhtiar sedaya upayanya untuk menarik perhatian orang ramai Turki tentang nasib orang Aceh. Dalam kenyataannya, beliau mengakui Aceh tidak mampu tahan lama menentang Belanda, dan beberapa kemenangan yang ada di pihak Aceh itu adalah kebetulan sahaja dan sekiranya Turki tidak campur tangan, Belanda pasti akan merampas Sumatera dan hal itu akan mempengaruhi nama Turki di dunia Islam dari segi negatif¹⁶ (*Ignatiev 1973 17.5.*). Sehubungan itu, Habib sendiri telah menulis dan menerbitkan beberapa buah rencana yang bersemangat tinggi di akhbar *Jewaib* dan *Basiret*. Dalam rencana-rencana itu, beliau bukan sahaja memaparkan sejarah hubungan antara Turki dan Aceh sepanjang abad 16-19, tetapi juga sekali lagi mendakwa Aceh selalu berada di bawah naungan Turki, maka mengharapkan kerajaan Sultan Turki akan membantu Aceh¹⁷.

Setelah mendapat amaran daripada Duta Rusia dan Duta Inggeris, kerajaan Turki akan bertindak balas ke atas usaha-usaha Habib yang sudah semakin kesepian. Untuk menghadapi keadaan cemas itu, Habib mengambil langkah yang sudah dirancangnya: menyerahkan tiga pucuk surat yang disimpannya kepada Sultan Turki:

1. Surat permintaan daripada Sultan Aceh kepada Sultan Turki Abdul Azis untuk menerima Aceh sebagai negeri jajahan Turki dan memerintahnya sesuai dengan kehendaknya;
2. Surat yang ditandatangani pemimpin dari lima daerah yang mempunyai hak memilih, memecat dan mengawasi Sultannya di Aceh meminta dikirimkan seorang wali untuk memerintah Aceh dan berunding dengan pihak Belanda dengan syarat sama ada memecat atau membiarkan Sultan muda terus berkuasa sesuai dengan kehendak Abdul Azis;
3. Surat yang dicap dengan mohor daripada dua puluh orang pemimpin daerah mengenai Aceh dan kekayaannya yang sedia diserahkan kepada Sultan Abdul Azis yang diakui seluruh penduduknya sebagai raja dengan kuasa mutlak¹⁸.

Perkara-perkara yang tersebut itu membuat menteri Turki pening kepala. Tetapi, keraguan mereka tidaklah lama. Ketergantungan kewangan dan politik Turki kepada negara-negara Eropah tidak membolehkan Turki bertindak bagi pihak Aceh. Pada saat itulah telah datang nota daripada Menteri Luar Belanda, Herike, yang bertarikh 14 September 1873. Dalam nota itu dinyatakan dengan jelas bahawa Turki tidak ada sebab berpihak ke Aceh kerana negara itu sudah berabad-abad lamanya menganggap dirinya bebas daripada sebarang pertalian dengan Turki. Telah juga ditunjukkan dalam perjanjian itu bahawa orang Aceh tidak pernah menyebut ketergantungannya kepada Turki, melainkan yang telah bertindak atas daya usaha dan kuasanya sendiri. Nota itu berakhir dengan amaran bahawa kerajaan Belanda ingin menyelesaikan masalahnya tanpa campur tangan kuasa asing¹⁹.

Habib terus tinggal di Istanbul meskipun mendapati kerajaan Turki sudah merasa kurang bersimpati kerana mahal menanggung hidupnya di ibu negara itu²⁰. Daripada apa yang nampaknya kesudahan misi Habib itu sudah jelas: Aceh tidak ada peluang lagi untuk mendapat bantuan Turki. Namun, seperti yang diketahui, harapan untuk itu masih ada kerana selagi hayat dikandung badan, orang Aceh boleh berulang kali membuat pihak Belanda khuatir dengan langkah-langkahnya yang berani dan nekad.

Pusat perisik politik Aceh yang berpangkalan di Pulau Pinang dan Singapura masa itu mempunyai perwakilan dari banyak negara. Duta Perancis, Target, memberitahu Menteri Luar Negara Herike dalam surat sulitnya mengatakan “seorang ejen yang menamakan diri sebagai wakil yang berkuasa besar daripada Sultan Aceh telah menyampaikan suratnya kepada marsyal MacMahon (Presiden pertama Perancis – 1873-79 - catatan pengarang) meminta bantuan Perancis”.²¹ Syur untuk mengadakan perjanjian politik telah juga diserahkan pihak Aceh kepada perwakilan dari Itali. Sehubungan itu, ada desas-desus yang menyatakan terdapat segolongan ahli politik dalam kerajaan Itali telah merancang untuk membentuk sebuah empayar kolonial dengan mencari peluang untuk menduduki sebahagian Borneo dan juga Sumatera yang masih kurang kuat kekuasaan Belanda.²²

Hubungan yang paling cergas telah diadakan dengan konsul Amerika Syarikat di Singapura, Studer, yang berketurunan Swiss yang telah nampak peluang besar bagi Amerika Syarikat memperkembangkan perdagangannya di Sumatera, maka telah mengadakan pertemuan banyak kali dengan wakil Aceh, bernama Tibang. Hasilnya, mereka dapat merangka garis kasar perjanjian perdagangan antara dua buah negara itu sesuai dengan keinginan Amerika untuk mendapat hak mendirikan beberapa buah pos perdagangan di wilayah Sultanat.²³ Selain itu, Studer telah juga memanggil Armada Amerika Syarikat di Lautan Hindia yang diketuai Laksamana Jenkins “untuk membela kepentingan Amerika”.²⁴

Maklumat mengenai rundingan itu telah diberitahu seorang lagi wakil Aceh di Singapura, Arifin, kepada konsul Belanda untuk membuat Belanda merasa cemas, lantaran lebih rela mengadakan rundingan dengan Aceh. Segala-galanya berlaku seperti yang dirancang. Sebaik sahaja kerajaan Belanda menerima telegram, konsulya berasa panik, lalu mohon tindakan segera untuk mengelakkan serangan Armada Amerika. Beliau segera memutuskan untuk menghantar wakil khasnya ke Aceh untuk menyambung semula rundingan yang sudah terputus sebelum itu. Bersamaan dengan itu, Duta Besar Belanda di Washington telah diberi arahan untuk menjelaskan masalah rundingan yang diadakan konsul Studer di Singapura²⁵. Perhitungan Aceh dalam hal itu adalah tepat. Walaupun Jabatan Negara cuba menenteramkan Duta Belanda dengan mengatakan Amerika tidak mempunyai kepentingan ke atas kawasan yang sebegitu jauhnya seperti Sumatera, namun itu menunjukkan konsul itu ada hak untuk memanggil Armada kerana kepentingan negara harus dilindungi, dan Armada itu boleh menuju ke pantai Aceh sama seperti ke kawasan lain. Selain itu, beliau juga mengingatkan Belanda agar jangan mencetuskan konflik bersenjata.²⁶

Tetapi, konflik terus berlaku. Orang Aceh tidak henti-henti menghujani konsul Amerika dengan tawaran dan permintaan baru dengan memperalatkan keadaan susah itu dengan pedagang Amerika Syarikat menerima akibat buruk daripada sekatan ekonomi yang dikenakan Belanda ke atas Sumatera. Selain itu, Presiden Grant menerima surat daripada wakil Aceh, Teuku Ibrahim, menanyakan sama ada Amerika Syarikat tidak berpuas hati dengan kelakuan orang Aceh, atau Amerika mungkin mengecam perdagangan hamba abdi yang dikhabar-anginkan oleh pihak Belanda; dan mungkin terdapat kes sikap yang kurang sopan daripada orang Aceh kepada orang Amerika Syarikat²⁷. Pihak Aceh tidak faham mengapa Amerika Syarikat bersikap sebegini acuh tak acuh terhadap Aceh. Pada masa itu juga dalam akhbar di Amerika Syarikat sudah disiarkan rencana yang bersimpati kepada Aceh. Misalnya, rencana *Amerika di Timur atau Kemerosotan Perdagangan kita di Kepulauan Melayu* telah mengecam dasar pengembangan Belanda dan memberi nasihat kepada kerajaannya untuk meninjau dengan saksama rancangan perjanjiannya dengan pihak Aceh²⁸.

Yang dimaksudkan itu bukanlah perjanjian perdagangan, tetapi perjanjian politik yang drafnya sudah dikemukakan Teuku Ibrahim pada 2 Oktober 1873. Ia sudah dikarang tujuh orang diplomat Aceh di Pulau Pinang dan telah disetujui Sultan yang juga telah memberi kuasa penuh kepada Ibrahim. Perjanjian itu memberi cadangan kepada Amerika Syarikat untuk mengakui kedaulatan Aceh dan juga membantunya kalau berlaku pencerobohan dari luar. Sebagai balasan, Aceh memberi janji kepada Amerika Syarikat akan membantunya dalam perjuangannya dengan musuhnya, memulangkan emigran-penjenayah dan membina bersama menara api di Batu Buru (Selat Melaka). Fasal yang paling penting dalam perjanjian itu adalah memberi tawaran kepada Amerika Syarikat untuk memiliki bagi selama-lamanya Pulau Weh yang membolehkan Amerika Syarikat mengawasi lalu lintas perjalanan pendek dari Terusan Suez di Selat Melaka.²⁹

Akan tetapi, perkiraan pihak Aceh untuk menarik Amerika Syarikat berpihak kepadanya dalam persengketaan dengan Belanda itu ternyata tidak berhasil. Dalam surat balasan daripada Jabatan Negara kepada konsul Studer sudah dinyatakan bahawa Washington telah bersikap berkecuali dalam isu hubungan Aceh dengan Belanda dan menambah bahawa perjanjian perdagangan (perdagangan sahaja!) mungkin boleh ditandatangani setelah konflik itu berakhir dan Aceh dapat mempertahankan kedaulatannya³⁰. Pendirian itu telah dinyatakan Presiden Amerika Syarikat secara terbuka tidak lama kemudiannya.

“Setelah mendapat maklumat rasmi daripada kerajaan Belanda mengenai kedudukan isu peperangan antara Belanda dengan Sultanat Aceh, kami memerintahkan semua pegawai Amerika yang berada tidak jauh dari medan peperangan itu bersikap berkecuali”.³¹ Teuku Ibrahim yang tidak mahu berundur dalam usahanya telah membuat Amerika Syarikat mengubah pendiriannya, dan bersetuju untuk menyerahkan kepada Amerika Syarikat seluruh bahagian Barat Daya Aceh (Pediri); tetapi tawaran baru itu tidak sampai ke Amerika Syarikat, kerana suratnya telah disergap pihak Belanda dalam perjalanan³².

Dalam suatu jamuan makan di Washington pada awal tahun 1874, Setiausaha Negara Amerika Syarikat menuding kepada peta dan berkata: “Inilah pulau Sumatera. Pulau itu ditawarkan kepada kami, tetapi kami telah menolaknya. Terlalu jauh.”³³ Kata-kata itu dengan jelas mencerminkan pendirian Amerika Syarikat ke atas kawasan Timur pada waktu itu. Amerika Syarikat masih belum bersiap sedia untuk mengadakan politik ekspansi ke kawasan lain yang luas. Tidak lama sebelum berakhirnya perang antara Utara dan Selatan, matlamat yang lebih diutamakan di Amerika Syarikat adalah mencantumkan wilayah yang tertinggal di Selatan. Masih banyak urusan dalam negara itu harus diselesaikan. Selain itu, terdapat risiko menghadapi Inggeris yang kuat di Timur.

Aceh tidak hanya mencari sekutu dengan Turki, Perancis, Itali dan Amerika Syarikat, tetapi juga berusaha meminta pertolongan daripada Rusia. Habib yang masih tinggal di Istanbul itu mahu menjadi lebih dekat kepada Dut Ignatiev kerana ingin melaluinya untuk mengadakan hubungan dengan kerajaan Tsar Rusia setelah mendapati pengaruh Duta Rusia ke atas tokoh-tokoh Turki dan Duta Belanda. Ignatiev dalam suratnya yang bertarikh 10 Mei 1873 memberitahu wakil Aceh yang beliau juga hendak berkenalan dengannya. Untuk pertama kalinya mereka bertemu di jamuan makan di rumah seorang bangsawan Turki. dan Ignatiev nampak dengan matanya sendiri diplomat Aceh yang cerdik itu³⁴.

Masa itu Habib tidak menceritakan rancangannya, tetapi telah menyesal yang Turki belum lagi memberi jawapan kepada permintaan Aceh untuk menjadi orang tengah dalam konfliknya dengan Belanda. Beliau juga memanjangkan harapan kepada “jasa baik kuasa-kuasa besar untuk mencegah pertumpahan darah selanjutnya” dengan maksud bukan sahaja bantuan Turki yang sudah diminta, tetapi bantuan Rusia juga mungkin akan diminta nanti³⁵ Memang selagi ada harapan untuk mendapat bantuan Turki yang telah menunggu perkembangan peristiwa itu, maka telah menanggukahkan jawapannya, Habib tidak akan segera mahu berjumpa dengan Duta Rusia. Hanya setelah melihat kelemahan Turki berurusan dengan negara-negara lain, maka Duta Aceh itu cuba mendekati Ignatiev. Melalui juru bahasa di Kedutaan Rusia, beliau menjajaki apakah Aceh boleh mendapat sokongan Rusia untuk menghadapi ancaman dari pihak Belanda³⁶. Ignatiev menolak untuk bertemu dengan Habib. Tetapi, selepas itu pernah mengaku kepada Tsar Alexander II bahawa sekiranya Habib mahu bertemu dengannya sekali lagi, beliau pasti tidak menolak lagi³⁷.

Enam tahun kemudian, kapal Rusia “Vsadnik” (Penunggang kuda) sudah berlabuh selama beberapa jam di Pulau Pinang dan kapten kapal itu, Novosilsky, sudah didatangi delegasi dari Aceh dengan permintaan mereka ingin merayu kepada Tsar agar dapat menerima Aceh menjadi jajahan Rusia. Novosilsky yang tidak berwenang menerima perutusan dengan permintaan sedemikian itu tidak berjanji apa-apa. Beliau amat terkejut setelah sekali lagi mendapat surat dengan isi yang sama daripada Sultan Aceh ketika dia tiba di Napoly di Itali.³⁸

Surat itu sudah dikirim ke Kementerian Laut Rusia dan untuk diserahkan ke Jabatan Asia Kementerian Luar Negara. Setelah membaca surat itu, satu bulan

kemudiannya Jabatan itu membuat keputusan “tidak mungkin membangkitkan masalah mengenai menerima Aceh di bawah jajahan Rusia sekarang memandangkan salah faham mungkin akan timbul antara Belanda dan Rusia”³⁹

KESIMPULAN.

Antara usaha Aceh menggunakan saluran diplomasi sulit dan cara tradisional intrik politik (termasuk memberi suap, sanjungan, janji manis, permainan atas pertentangan berbagai pihak) untuk menentang Belanda itu ternyata tidak berjaya. Walaupun diplomat Aceh cekap dan penduduknya menunjukkan semangat kepahlawanan, tetapi Belanda telah dapat menjajah Aceh selama empat puluh tahun dengan pengorbanan yang tinggi. Aceh tidak dapat menjaga kemerdekaannya.

Semua saluran diplomat sulit itu boleh berkesan dalam menyelesaikan masalah negaranya dengan negara lain sekiranya ada sokongan dari negara ketiga. Tetapi, percaturan politik antarabangsa ketika itu adalah sedemikian sehinggakan Aceh terpaksa bersendirian dalam menghadapi Belanda yang lebih unggul kerana ia adalah negara industri yang maju, selain mendapat sokongan daripada negara Barat dan Rusia. Dalam keadaan ada negara yang menyokong Belanda dan negara yang lain bersikap berkecuali, termasuk Amerika Syarikat (yang menganggap dirinya terlalu jauh dari Sumatera) atau Turki (tidak mahu dimarahi Ingeris), maka diplomasi sulit dan intrik politik tidak dapat memainkan peranan yang besar, maka nasib Aceh hanya dapat ditentukan di medan perang, yakni dengan cara kekerasan. Dapat juga diduga kesudahan peristiwa itu kiranya ia terjadi pada awal kurun ke-20 ketikaimbangan kuasa telah berubah dengan munculnya negara imperialis yang baru, seperti Amerika Syarikat dan Jerman yang bersaing hebat membahagikan semula dunia ini di gelanggang hubungan antarabangsa.

Singkatan

AVPR - Arkhiv Vnesyney Politiki Rossii (Arkib Dasar Luar Rusia)

MID – Kementerian Luar Negara

NOTA

- ¹ Tyurin V.A. *Achehs kaya Voina* (Perang Aceh). Moscow: Penerbitan «Nauka», 1970.
- ² Donesenie russkogo poslannika v Gollandii N.A. Stolipina A.M. Gorchakovu o podgotovke golladtsev k zakhvatu Ache (Surat Duta Rusia di Belanda N.A. Stolipin kepada A.M. Gorchakov tentang persiapan Belanda untuk merebut Aceh), ¹ 38 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 17 Februari (1 Mac) 1873, fail 65: 9-12. Surat asli dlm bhs. Perancis.
- ³ *Politika Kapitalisticheskikh Derzhav i Natsionalno-osvoboditelnoe Dvizhenie v Yugo-Vostochnou Azii* (Dasar Negara-Negara Kapitalis dan Gerakan Pembebasan Nasional

- di Asia Tenggara) (1871-1917). Dokumenti i Materiali (Dokumen-Dokumen dan Bahan-Bahan). Moscow: Penerbitan "Nauka", 1965; L.J.P.J. Jeekel. *Het Sumatera Tractaat*. Leiden, 1881; Maxwell W.G. & Gibson W.S. *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. London, 1924.
- ⁴ Zapiska pervogo dragomana russkogo posolstva v Turtsii M.K. Onu N.P. Ignatievu o besede s poslannikom Ache Seidom Abdurrahmanom al-Zakhirom po povodu turetskogo posrednichestva v gollandsko-achinskom konflikte (Catatan jurubahasa pertama Ked Profesor Madya utaan Rusia di Turki M.K. Onu kepada N.P. Ignatiev tentang percakapan dengan Duta Acheh Syed Abdurrahman al-Zahir mengenai perantaraan Turki dalam sengketa Belanda-Acheh), 10 (22) Mei - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 1873, fail 25: 262-263. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ⁵ Donesenie N.P. Ignatieva A.M. Gorchakovu o stremlenii Turtsii vmeshatsya v gollandsko-achinskiy konflikt (Surat N.P. Ignatiev kepada A.M. Gorchakov tentang kemahuan Turki campur tangan dalam sengketa Belanda-Acheh), ¹ 137 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 17 (29) Mei 1873, fail. 25: 256-260. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ⁶ Donesenie russkogo posla v Turtsii N.P. Ignatieva ministru inostrannih del A.M. Gorchakovu o vozmozhnom posrednichestve Turtsii v gollandsko-achinskom konflikte (Surat Duta Rusia di Turki N.P. Ignatiev kepada Menteri Luar Negeri A.M. Gorchakov tentang kemungkinan perantaraan Turki dalam sengketa Belanda-Acheh), ¹ 135 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 3 (15) Mei 1873, fail 25: 237-246. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ⁷ Zapiska pervogo dragomana russkogo posolstva v Turtsii M.K. Onu N.P. Ignatievu o besede s poslannikom Ache Seidom Abdurrahmanom al-Zakhirom po povodu turetskogo posrednichestva v gollandsko-achinskom konflikte (Catatan jurubahasa pertama KeDutaan Rusia di Turki M.K. Onu kepada N.P. Ignatiev tentang percakapan dengan Duta Acheh Syed Abdurrahman al-Zahir mengenai perantaraan Turki dalam sengketa Belanda-Acheh), 10 (22) Mei - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 1873, fail 25: 262-263. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ⁸ Donesenie N.P. Ignatieva A.M. Gorchakovu o stremlenii Turtsii vmeshatsya v gollandsko-achinskiy konflikt (Surat N.P. Ignatiev kepada A.M. Gorchakov tentang kemahuan Turki campur tangan dalam sengketa Belanda-Acheh), ¹ 137 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 17 (29) Mei 1873, fail. 25: 256-260. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ⁹ Ibid
- ¹⁰ Donesenie russkogo posla v Turtsii N.P. Ignatieva ministru inostrannih del A.M. Gorchakovu o vozmozhnom posrednichestve Turtsii v gollandsko-achinskom konflikte (Surat Duta Rusia di Turki N.P. Ignatiev kepada Menteri Luar Negeri A.M. Gorchakov tentang kemungkinan perantaraan Turki dalam sengketa Belanda-Acheh), ¹ 135 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 3 (15) Mei 1873, fail 25: 237-246. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ¹¹ Ibid
- ¹² Ibid
- ¹³ Donesenie N.P. Ignatieva A.M. Gorchakovu o stremlenii Turtsii vmeshatsya v gollandsko-achinskiy konflikt (Surat N.P. Ignatiev kepada A.M. Gorchakov tentang

- kemahuan Turki campur tangan dalam sengketa Belanda-Acheh), ¹ 137 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 17 (29) Mei 1873, fail. 25: 256-260. Surat asli dalam bahasa Perancis
- ¹⁴ Donesenie russkogo posla v Turtsii N.P. Ignatieva ministru inostrannih del A.M. Gorchakovu o vozmozhnom posrednichestve Turtsii v gollandsko-achinskom konflikte (Surat Duta Rusia di Turki N.P. Ignatiev kepada Menteri Luar Negeri A.M. Gorchakov tentang kemungkinan perantaraan Turki dalam sengketa Belanda-Acheh), ¹ 135 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 3 (15) Mei 1873, fail 25: 237-246. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ¹⁵ Donesenie N.P. Ignatieva A.M. Gorchakovu o stremlenii Turtsii vmeshatsya v gollandsko-achinskiy konflikt (Surat N.P. Ignatiev kepada A.M. Gorchakov tentang kemahuan Turki campur tangan dalam sengketa Belanda-Acheh), ¹ 137 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 17 (29) Mei 1873, fail. 25: 256-260. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ¹⁶ Ibid.
- ¹⁷ Donesenie N.P. Ignatieva Alexandru II ob otkaze Turtsii vistupit posrednikom v gollandsko-achinskom konflikte (Surat N.P. Ignatiev kepada Alexandre II tentang penolakan Turki menjadi perantara dalam sengketa Belanda-Acheh), ¹ 164 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 2 (14) Jun 1873, fail 26: 26-27. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ¹⁸ Donesenie N.P. Ignatieva vremennomu upravlyayutshemu MID V.I. Vestmanu II o pozitsii Turtsii v gollandsko-achinskom konflikte (Surat N.P. Ignatiev kepada Pemangku Menteri Luar Negeri V.I. Vestman tentang pendirian Turki dalam sengketa Belanda-Acheh). ¹ 206 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 12.7. 1873, fail 26: 240-244.
- ¹⁹ Nota Ministra inostrannih del Gollandii L. Gerike pravitelstvu Turtsii po achinskomu voprosu (Nota Menteri Luar Negeri Belanda L. Herike kepada kerajaan Turki tentang masalah Aceh) 14 (26) September 1873 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 1873, fail 27: 211-216. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ²⁰ Donesenie N.P. Ignatieva vremennomu upravlyayutshemu MID V.I. Vestmanu II o pozitsii Turtsii v gollandsko-achinskom konflikte (Surat N.P. Ignatiev kepada Pemangku Menteri Luar Negeri V.I. Vestman tentang pendirian Turki dalam sengketa Belanda-Acheh). ¹ 206 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 12.7.1873, fail 26: 240-244.
- ²¹ Donesenie N.A. Stolipina V.I. Vestmanu ob otkaze Gollandii prinyat posrednichestvo Turtsii v reshenii achinskogo voprosa (Surat Stolipin kepada V.I. Vestman tentang penolakan Belanda menerima perantaraan Turki dalam menyelesaikan masalah Aceh), ¹ 49 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 2 (14) Oktober 1873, fail 65: 31-32. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ²² Donesenie russkogo poslannika v Gollandii N.A. Stolipina A.M. Gorchakovu o podgotovke golladtsev k zakhvatu Ache (Surat Duta Rusia di Belanda N.A. Stolipin kepada A.M. Gorchakov tentang persiapan Belanda untuk merebut Aceh), ¹ 38 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 17 Februari (1 Mac) 1873, fail 65: 9-12. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ²³ Donesenie N.A. Stolipina A.M. Gorchakovu o porazhenii gollandtsev i popitke Sultana Ache zaklyuchit dogovor s SSHA (Surat Stolipin kepada A.M. Gorchakov tentang

- kegagalan Belanda dan usaha Sultan Aceh menandatangani perjanjian dengan Amerika Syarikat),¹ 43 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 9 (24) April 1873, fail 65: 20-21. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ²⁴ Studer to Jenkins, October 13, Enclosure "D" to Despatch 110, October 28, 1873, Singapore, vol. XI.
- ²⁵ Gould J.W. *Americans in Sumatera*. The Hague, 1961: 4.
- ²⁶ Ibid, p. 7.
- ²⁷ Enclosure "A" to Singapore Despatch N 90, 12.7. 1873, Singapore, vol. X.
- ²⁸ New York World, 11.10.1873.
- ²⁹ Enclosure "A" to Singapore Despatch N 107, 4.10 1873 Singapore, vol. XI.
- ³⁰ J.C. Bancroft Davis, Assistant Secretary of State to Studer, N 66, November 28. Despatch to Consuls, vol. 70, 1873: 493-494.
- ³¹ U.S. Department of State. Message of the President of the U.S. to Congress. Washington, December 1, 1873.
- ³² Singapore to Batavia, November 1873. Enclosure "K".
- ³³ - Gould J.W. *Americans in Sumatera*. The Hague, 1961: 4
- ³⁴ Zapiska pervogo dragomana russkogo posolstva v Turtsii M.K. Onu N.P. Ignatievu o besede s poslannikom Ache Seidom Abdurrahmanom al-Zakhirom po povodu turetskogo posrednichestva v gollandsko-achinskome konflikte (Catatan jurubahasa pertama KeDutaan Rusia di Turki M.K. Onu kepada N.P. Ignatiev tentang percakapan dengan Duta Aceh Syed Abdurrahman al-Zahir mengenai perantaraan Turki dalam sengketa Belanda-Acheh), 10 (22) Mei - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 1873, fail 25: 262-263. Surat asli dalam bahasa Perancis
- ³⁵ Ibid.
- ³⁶ Donesenie N.P. Ignatieva Alexandru II o pozitsii Turtsii v gollandsko-achinskome konflikte (Surat N.P. Ignatiev kepada Alexandre II tentang pendirian Turki dalam sengketa Belanda-Acheh),¹ 196 - AVPR, fond Kantselyarii (kumpulan fail Sekretariat), 12 (24) Julai 1873, fail 26: 178-183. Surat asli dalam bahasa Perancis.
- ³⁷ Ibid.
- ³⁸ Otnoshenie inspektora departamenta Morskogo ministerstva vremennomu upravlyayutshemu MID N.K. Girsu o prosbe Sultana Ache prinyat ego vladeniya pod protektorat Rossii (Surat Inspektor Direktorat Kementerian Laut kepada Pemangku Menteri Luar Negeri N.K. Girs tentang permintaan Sultan Aceh menerima wilayahnya di bawah jajahan Rusia),¹ 7694 - AVPR, fond sredneaziatskogo stola (kumpulan fail bagian Asia Tengah), 19 (31) Julai 1979, fail 986: 16.
- ³⁹ Otnoshenie Aziatskogo departamenta MID upravlyayutshemu Morskogo ministerstva S.S. Lesovskomu o nevosmozhnosti prinyat Sultanat Ache pod protektorat Rossii (Surat Direktorat Asia Kementerian Luar Negeri kepada Kepala Kementerian Laut S.S. Lesovskiy tentang tidak mungkinnya menerima Sultanat Aceh di bawah jajahan Rusia),¹ 2745 - AVPR, fond sredneaziatskogo stola (kumpulan fail bagian Asia Tengah), 22 Ogos (3 September) 1879, fail 986: 18.

(Sumber asal makalah ini dalam bahasa Rusia dengan judul Тайная дипломатия султаната Аче в 19 веке (Taynaya diplomatiya sultanata Aceh v 19 veke) yang telah diterbitkan dalam buku Политическая интрига на Востоке (Politicheskaya Intriga na Vostoke). Moscow. 2000: 302-311).

Penulis dan penterjemah: Victor A. Pogadaev, Ph D
Jabatan Bahasa-Bahasa Asia dan Eropah
Fakulti Bahasa & Linguistik
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

e-mail: victor@um.edu.my